



جابتن اكام إسلام فیراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1JLD2(6)

Tarikh: 23 Syaaban 1447
11 Februari 2026

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	13 Februari 2026 / 25 Syaaban 1447
Tajuk	Persediaan Jiwa Menyambut Ramadan

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k: Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

MSN/HebahanKhutbah



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“PERSEDIAAN JIWA MENYAMBUT RAMADAN”

13 Februari 2026 / 25 Syaaban 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَنْزَلَ الْقُرْآنَ، هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ، وَجَعَلَ رَمَضَانَ شَهْرَ الْقُرْآنِ وَتِلَاوَتِهِ وَتَدَبُّرِهِ وَالْإِحْسَانِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا³ اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Menjelang Ramadan, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk: “**PERSEDIAAN JIWA MENYAMBUT RAMADAN**”

Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾﴾

Maksudnya: Wahai orang yang beriman, diwajibkan kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas umat sebelum kamu mudah-mudahan kamu bertakwa.

(Surah al-Baqarah ayat 183)

Ayat 183 Surah al-Baqarah yang khatib bacakan, hendaklah dijadikan asas kefahaman, bahawa tujuan utama Ramadan ialah pembinaan takwa. Ramadan ialah madrasah tarbiah, menyediakan ruang untuk membolehkan ummah meningkatkan amal ibadah.

¹ Memuji Allah SWT

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Persediaan jiwa atau rohani untuk menyambut Ramadan bermaksud menghidupkan kesedaran hati, menyucikan niat, memperbaharui taubat, dan menguatkan iman agar Ramadan disambut dengan penuh keinsafan, kesungguhan ibadah serta perubahan diri ke arah yang lebih baik.

Para *Salaf al-soleh* menyambut Ramadan dengan persediaan yang panjang; dengan kesungguhan iman dan takwa. Ramadan bukan sekadar dinanti, bahkan dirindui dan dipersiapkan dengan penuh kesedaran rohani. Mereka memahami Ramadan merupakan peluang keemasan menyucikan jiwa, memperbanyakkan amal dan mencapai darjat takwa. Mereka membuat persiapan dengan memperbanyakkan taubat, berzikir dan menggerakkan diri untuk beribadah dengan penuh keikhlasan.

Jemaah yang dilimpahi nikmat Ilahi

Dalam persediaan menghidupkan jiwa untuk menyambut Ramadan, disarankan untuk diberikan perhatian kepada tiga langkah berikut;

Pertama: Membetulkan niat. Bertanyakan diri, mengapakah aku berpuasa apabila datang Ramadan? Adakah kerana mematuhi perintah Allah atau sekadar berpuasa secara ikut-ikutan? Puasa yang berniat ikhlas dilakukan kerana Allah SWT akan menghasilkan ketakwaan, manakala puasa yang dilakukan atas sebab-sebab lain, hanya merupakan amalan berlapar dan berdahaga seperti Sabda Rasulullah SAW bermaksud:

"Boleh jadi orang yang berpuasa tidak memperoleh apa-apa selain lapar"
(Riwayat Ibnu Majah)

Niat yang betul akan melahirkan kesungguhan beramal. Niat berpuasa kerana Allah SWT akan diiringi dengan kesungguhan menjaga solat serta menjaga lisan, pandangan, pendengaran dan tingkah laku. Puasa bukan hanya menahan lapar dan dahaga tetapi difardukan dengan hikmah menguatkan jiwa melawan kehendak nafsu yang mahu melakukan dosa.

Kedua: Persediaan disiplin. Ramadan ialah bulan latihan dan pendidikan terutama disiplin mengguna waktu dengan jadual ibadah yang tersusun. Ramadan dipenuhi dengan ibadah dan aturan harian yang berbeza berbanding bulan-bulan lain. Umpamanya, bersahur memerlukan kita bangun awal, memberi kita peluang

melakukan solat tahajud sebelum sahur, dan selepas sahur, kita berpeluang berzikir atau membaca al-Quran sementara menanti waktu solat subuh; dan berbuka, mendidik kita makan pada awal malam sebaik masuknya waktu solat Maghrib. Solat Tarawih memberi kelebihan melakukan gerakan jasmani selepas makan di samping menguatkan jiwa kita berada di masjid atau surau lebih lama.

Latihan disiplin membantu mempersiapkan diri agar tidak melalui bulan keberkatan ini dengan kerugian kerana mensia-siakan waktu. Jiwa tidak akan hidup jika Ramadan hanya dihabiskan dengan perkara yang melalaikan.

Ketiga: Menghidupkan jiwa dengan al-Quran. Ramadan adalah masa terbaik untuk menghidupkan hubungan dengan al-Quran. Mulakan dengan langkah-langkah kecil, tetapi dilakukan secara istiqamah. Bacalah dan dengarlah bacaan al-Quran dengan penuh penghayatan. Renungi makna dan berusaha mengamalkan ajaran al-Quran dalam seluruh aspek kehidupan.

Jemaah yang dimuliakan,

Ramadan ialah bulan untuk mendidik kita bersifat insaf terhadap orang-orang yang susah; orang-orang yang menghadapi masalah mendapatkan keperluan makanan harian, ramai di antara mereka, termasuk kanak-kanak tidur setiap malam dengan perut yang lapar. Puasa sepatutnya melatih kita makan dan minum secara sederhana, berjimat cermat dan tidak membazir. Kini kita sedang menyaksikan umat Islam dihadapkan dengan ujian yang melibatkan aspek bermewah-mewah hingga berlaku pembaziran bahan makanan secara besar-besaran. Atas tujuan perniagaan dan keuntungan, hotel dan restoran semakin menjadi-jadi mempromosikan '*bufet Ramadan*', mengenakan harga yang tidak munasabah, harga tinggi menyentuh ratusan ringgit seorang. Program '*bufet Ramadan*' menjadi medan menjamu selera secara berlebihan, jauh menyimpang daripada tujuan sebenar berpuasa. Diperhatikan semakin ramai ummah yang terperangkap dengan program pemasaran yang dilakukan. Diperhatikan berlaku perkara-perkara berikut:

Pertama: Pelanggan yang telah membayar pakej bufet yang mahal, mengambil sebanyak-banyak makanan, berlonggok di atas meja sebelum masuk waktu berbuka, tetapi tidak habis dimakan, lalu berlaku pembaziran.

Kedua: Budaya buffet juga mengakibatkan banyak masa dihabiskan di restoran dan kafeteria hotel, untuk menjamu selera sepuas-puasnya atas perasaan 'alang-alang sudah berbelanja mahal, biarlah kita makan selagi daya" menyebabkan berlaku amalan tidak sihat mengambil makanan secara berlebihan; di samping itu solat Maghrib dilakukan tergesa-gesa, solat Isyak dilewatkan, dan peluang untuk berjemaah Tarawih di masjid dan surau dipinggirkan.

Apabila berbuka puasa dijadikan pesta makanan dan menjamu selera, roh tarbiah Ramadan semakin pudar. Matlamat berpuasa untuk mengekang hawa nafsu hanya bertahan disiang hari dan lenyap menjelang terbenam matahari. Jumlah wang yang dibelanjakan lebih bermanfaat jika dijadikan sumbangan untuk menaja makanan berbuka atau bersahur orang-orang miskin, anak-anak yatim, dan para pelajar di pelbagai institusi pengajian atau disumbangkan membiayai program-program menghidupkan Ramadan di masjid, surau serta pusat-pusat latihan dan pengajian.

Jemaah Rahimakumullah

Mimbar memperingatkan jemaah kepada empat perkara berikut:

Pertama: Ramadan ialah bulan ibadah dan pengampunan, memberi peluang kepada kita melakukan perubahan diri. Ramadan jangan dibiarkan berlalu tanpa kita mendapat sebaik-baik manfaat daripada kelebihan istimewa yang terkandung di dalamnya.

Kedua: Niat dan matlamat yang betul akan menentukan kualiti dan hasil ibadah kita dalam bulan Ramadan.

Ketiga: Ramadan dikenali sebagai bulan al-Quran. Al-Quran diturunkan dalam bulan Ramadan. Bacalah al-Quran dengan istiqamah setiap hari walaupun hanya dengan beberapa baris ayat. Amatlah beruntung dalam kalangan mereka yang berjaya mengkhatamkan 30 juzuk al-Quran dalam bulan Ramadan. Budaya tadabbur hendaklah dimulakan untuk lebih mendapat manfaat dan kejayaan.

Keempat: Ramadan mendidik keprihatinan sosial dan akhlak mulia. Berbelanja hendaklah menepati kehendak syarak; mengelakkan pembaziran merupakan salah satu roh ibadah puasa. Menghidupkan jiwa menyambut Ramadan tidak terhad kepada ibadah perseorangan tetapi melibatkan hubungan sesama manusia.

Ramadan sepatutnya mengajar kita untuk merasai kesusahan orang lain terutama golongan miskin, fakir dan mereka yang diuji dengan kesempitan hidup. Oleh itu Ramadan ialah masa terbaik membanyakkan sedekah, membantu kaum keluarga, rakan sekerja, dan jiran tetangga yang menghadapi kesusahan hidup, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Ramadan ialah waktu untuk menyantuni anak-anak yatim begitu juga orang-orang tua yang uzur yang memerlukan pelbagai rawatan dan pertolongan.

Semoga Ramadan yang bakal tiba menjadi Ramadan terbaik dalam hidup kita; Ramadan yang berjaya mengubah sikap, membina iman dan meningkatkan takwa kita kepada Allah SWT.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! sejahterakanlah kami sehingga datangnya Ramadan, kurniai kami kesihatan dan kekuatan dapat menyempurnakan ibadah puasa dan ibadah-ibadah yang disunatkan untuk kami laksanakan sepanjang Ramadan. Akhirilah kehidupan kami dengan kesudahan yang baik, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk! Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.﴾